

# SISTEM ENJIN PENCARIAN PANTUN DENGAN MENGUNAKAN KATA KEKUNCI

Muhammad Yasir bin Azman

Prof. Dr. Shahrul Azman Mohd Noah

*Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia*

## ABSTRAK

Setiap pantun mempunyai maksud yang tersirat yang sukar untuk difahami jika dengan hanya melihat maksudnya secara literal. Penterjemahan bagi setiap sebuah perkataan tidak dapat untuk memastikan maksudnya yang tepat. Projek ini bertujuan untuk memudahkan pengguna dalam mengetahui makna dan mesej tersirat yang ingin disampaikan. Masalah yang akan berhadapan oleh pengguna ialah memastikan tema sebenar sesebuah rangkap pantun tersebut. Terdapat juga sebilangan pengguna merasakan pembayang yang wujud dalam rangkap tidak memberikan gambaran mesej pantun tersebut malah merasakan tiada kaitan secara langsung dengan mesej pantun. Solusi bagi permasalahan ini ialah menggunakan kaedah indeks untuk menetapkan setiap tema yang wujud dalam sesebuah pantun. Sebilangan pantun mempunyai lebih daripada satu mesej yang ingin disampaikan maka pencarian maklumat ini akan mengenalpasti tema yang wujud dalam pantun tersebut. Terdapat algoritma yang juga digunakan di dalam pantun ini adalah untuk menetapkan kedudukan pantun mengena dengan apa yang diinginkan pengguna dan terdapat juga beberapa pilihan lain yang juga disusun mengikut mana yang paling terhampir. Akhirnya dengan pencarian maklumat berasaskan kata kunci ini akan mengeluarkan pantun yang terhampir dengan kehendak pengguna dan sekaligus menyenaraikan pantun sampingan yang berkaitan.

## PENGENALAN

Minta daun diberi daun,

Dalam daun buah bidara,

Minta pantun diberi pantun,

Dalam pantun ada bicara.

(Nik Safiah Karim, 1996:15)

Pantun merupakan sebuah artifak bukan-benda (*non-material*) yang bukan sahaja digunakan dalam kehidupan orang Melayu, tetapi mempunyai berbagai-bagai makna dan fungsi dalam budayanya. Pantun sebenarnya mencerminkan peradaban Melayu dalam mana minda sebagai terjemahan perkataan inggeris '*mind*' sebahagian daripadanya. (Mohd. Taib Osman dalam Wan Abd. Kadir Wan Yusuf, 1996:1)

Pantun boleh dianggap sebagai pernyataan tradisi budaya Melayu yang menerangkan kemantapan daya kreativiti dan pemikiran orang-orang Melayu. Selain pantun, orang Melayu meluahkan buah fikiran mereka dengan pelbagai cara antaranya seni seloka, syair, gurindam

dan puisi. Orang melayu berbalas pantun sesama mereka adalah untuk menyampaikan nasihat sosialisasi dan pendidikan, menyatakan rasa rindu dan sayang, menyatakan penghargaan dan terima kasih, hiburan dan jenaka, berteka-teki menguji ketangkasan fikiran dan mengajar erti budi pekerti dan moral. Pantun mempunyai bahasa yang tersirat kerana tingginya elemen berbudi bahasa dalam kalangan masyarakat melayu. Walaupun mereka berhasrat untuk menyindir, tetapi mereka menyindir dengan ayat dan rangkap yang tersirat dan bahasa yang indah.

Bagi mereka yang tidak terbiasa dengan bahasa yang digunakan pemantun adalah sukar bagi mereka untuk memahami segala perkara yang ingin disampaikan oleh pemantun kerana laras bahasanya yang tinggi. Penggunaan perkataan di dalam pantun kadang kala bukan bermaksud sebenar perkataan tersebut malah penggunaannya merupakan perumpamaan bagi sesuatu keadaan yang lain. Perkataan pantun itu pada mulanya dipakai orang dengan makna seperti atau umpama jelas Zainal Abidin Ahmad dalam bukunya Ilmu Mengarang Melayu. Terdapat juga pendapat lain yang mengatakan perkataan pantun itu berasal daripada bahasa Minangkabau iaitu panuntun yang bermaksud pembimbing atau penasihat yang berasaskan sastera lisan dalam pengucapan pepatah dan petiti yang terkenal dalam masyarakat tersebut.

Pantun terbahagi kepada dua bahagian iaitu pembayang dan maksud pantun. Pembayang dalam setiap rangkap adalah separuh pertama daripada keseluruhan jumlah baris dalam rangkap berkenaan. Separuh kedua dalam setiap rangkap pantun pula ialah maksud atau isi pantun. Antara ciri-ciri lain yang ada dalam sebuah pantun ialah pembayangnya mempunyai hubungan yang rapat dengan alam dan persekitaran yang rapat dengan pengucapnya seperti yang terdapat dalam contoh pantun dua kerat berikut:

Sebab pulut santan terasa,

Sebab mulut badan binasa.

Pantun terdapat banyak jenis iaitu pantun dua kerat, pantun empat kerat, pantun enam kerat, pantun lapan kerat, pantun sepuluh kerat, pantun dua belas kerat, pantun empat belas kerat, pantun berkait. Pantun yang sering digunakan merupakan pantun empat kerat kerana mudah tetapi mempunyai makna yang padat. Kebiasaannya masyarakat berbalas pantun semasa majlis umum, majlis perkahwinan dan pertunangan, teks pengacara dan ucapan dalam majlis rasmi selain daripada acara pertandingan berbalas pantun. Pantun juga diterap di dalam

jiwa anak-anak bangsa ini di dalam alunan lagu rakyat seperti lagu kanak-kanak, lagu-lagu asli dan juga dikir barat.

## **PENYATAAN MASALAH**

Masyarakat kini kurang membudayakan penggunaan pantun dalam kehidupan seharian mereka. Maka, sistem ini menjadi alternative bagi melangsungkan pencarian pantun. Anantara perkara yang menjadi permasalahan sistem ini adalah sejauh mana ketepatan dan kejituan oleh kerana beberapa aspek yang mengekangnya.

Pertama, pencarian pantun sukar kerana tiada sistem yang terkini dapat menyokong pencarian pantun ini secara sistematik dan penggunaan tema tiada dimanfaatkan. Dua aspek ini menjadi antara aspek yang penting dalam memastikan pantun yang dikeluarkan mirip dengan kehendak pengguna.

Kedua, pantun melibatkan teks yang sangat terhad dan sedikit. Tambahan pula terdapat dua rangkap awalnya yang dipanggil pembayang tidak langsung menggambarkan literal maksud pantun yang terdapat pada dua rangkap yang seterusnya. Pantun ini tidak seperti dokumen dan artikel biasa. Maka, perwakilannya menjadi sangat terhad dan hanya tertumpu kepada terma atau perkataan yang wujud di dalam pantun itu. Di sini, peranan kata kekunci penting bagi mengelaspasti sinonim bagi perkataan yang bersamanya wujud di dalam pantun.

Ketiga, mengenalpasti hasil yang relevan dikeluarkan oleh sistem sangat terhad kerana kompleksiti sistem memerlukan sokongan ontology dan pemahaman rangkap bagi memastikan pantun yang dipilih sentiasa relevan.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif pembangunan projek ini adalah

- i. Membangunkan antara muka pencarian maklumat bagi mencari pantun yang sesuai dengan tema pantun yang pengguna mahukan berdasarkan kueri yang dimasukkan pengguna ke dalam sistem.
- ii. Membangun sistem pencarian pantun dengan penggunaan *indexing*.

- iii. Mengumpulkan sebanyaknya pantun yang ada untuk dijadikan hasil kepada pencarian sistem ini.

## **METOD KAJIAN**

Dalam pembinaan sistem pencarian pantun ini, sistem ini menggunakan python dalam menyendalikan setiap perkara dalam enjin pencarian ini. Pada awalnya pantun ini dikumpulkan dan diletakan di dalam suatu pangkalan data. Setiap pantun itu kemudiannya dikategorikan mengikut jenis seperti pantun dua kerat, pantun empat kerat, pantun enam kerat dan lain-lain lagi. Kemudian pantun ini akan ditetapkan index pada kata kekunci yang berkaitan dengan makna asal pantun ini. Pantun ini pertamanya dikumpul dan maksud atau temanya dikenalpasti bagi tujuan memudahkan pembuatan indexing. Setiap pantun diletakkan di dalam format yang berasingan. Apabila sistem ini digunakan setiap format ini akan dilalui oleh sistem dan peroses penganalisaan jenis pantun akan dibuat bergantung kepada index yang telah ditetapkan.

Sistem ini akan pertamanya mencari pantun berdasarkan kata kekunci yang pengguna masukkan. Proses seterusnya, kata kekunci itu akan dia perkataannya di dalam index yang tersedia. Bagi situasi yang paling ideal, kekunci yang pengguna masukkan mengena dan serupa secara tepat. Kemudian pantun yg kata kekuncinya serasi dengan index pantun tersebut, pantun itulah yang akan dipaparkan dan dipilih untuk dihantar kepada pengguna.

Jika kata kekuncinya tidak sama secara tepat proses seterusnya akan berjalan iaitu proses pengubahan kata kekunci kepada kata dasar bagi perkataan tersebut dengan menyingkirkan segala penambahan imbuhan awalan atau akhiran. Kemudian proses yang sama dilalui dengan membandingkan kata kekunci yang sudah diubah tersebut dengan index yang ditetapkan di dalam pangkalan data pantun itu. Pantun yang mempunyai index yang sama akan dipilih dan akan dihantar kepada pengguna. Jika proses kedua ini juga gagal mencari perbandingan yang tepat dengan kata kekunci itu, terdapat satu proses pencarian perkataan yang mempunyai makna yang sama dengan makna kata kekunci tersebut atau disebut sebagai sinonim bagi perkataan itu. Seterusnya setiap perkataan sinonim tersebut melalui proses yang sama iaitu perbandingan dengan index bagi setiap pantun. Jika terdapat perbandingan yang mengena tepat, pantun itulah yang akan

dipilih dan diberikan kepada pengguna.

Jika proses ini gagal juga mencari *index* yang tepat dengan kunci itu, maka proses seterusnya akan dilalui. Proses tersebut adalah proses expansion. Perkataan tambahan akan dikeluarkan oleh sistem sebagai cadangan atau suggestion kepada pengguna. Kemudian pengguna itu perlu memilih adakan expansion itu mengena dengan maksud yang pengguna inginkan. Apabila pengguna terima, maka proses pencarian pantun itu berjalan dengan perbandingan index. Kemudian pantunnya akan diberikan kepada pengguna tersebut.

Akhirnya jika sistem ini masih gagal untuk mencari pantun yang pengguna kehendaki, maka sistem ini akan respon bahawa pantun yang pengguna inginkan tiada dan belum lagi wujud di dalam database pantun ini.

## **HASIL KAJIAN**

### **4.1 PENGENALAN**

Pembangunan sistem pencarian pantun ini melibatkan pengumpulan data dalam bentuk data dan rangkap pantun yang setiapnya disimpan di dalam bentuk indek. Paparan yang akan digunakan untuk pembangunan sistem ini adalah menggunakan web agar ianya mudah diakses oleh pengguna di dalam setiap peranti dengan mudah. Peringkat implementasi dan penilaian enjin pencarian ini merupakan peringkat yang penting dalam memastikan sistem yang dibina berjalan dengan lancar dan efisien. Bab ini menjelaskan implementasi dan pengujian sistem ini.

### **4.2 HASIL IMPLEMENTASI**

Projek ini berhasrat untuk membangunkan teknik atau aplikasi yang boleh meramal pantun yang sesuai untuk kueri yang dimasukkan oleh pengguna. Pengguna dapat menggunakan sistem ini dengan paparan atau antara muka berasaskan web. Bagi pembangunan web, salah satu antara muka yang mudah untuk pengguna gunakan sistem ini. Antara muka web memudahkan pengguna dengan hanya mempunyai akses internet bagi membenarkan pengguna menggunakan sistem pencarian pantun ini. Maka, antara mukanya

adalah antara elemen yang penting dan perlu diambil kira bagi memastikan interaksi pengguna dengan sistem tinggi. Elemen penting yang terlibat dalam menampilkan antara muka yang menarik antaranya ialah penggunaan warna, font tulisan dan saiz tulisan, butang yang menonjol dan mudah untuk dilihat pengguna, serta hasil pencarian sistem ini juga perlu bersesuaian dengan pengguna. Rajah 4.1 menunjukkan antara muka bagi menu utama sistem ini.



Rajah 4.1 di atas menunjukkan menu utama sistem pencarian pantun.

Sistem ini menampilkan paparan yang simplistik dan minima. Penggunaan warnanya yang basic dan tidak terlalu banyak agar menampakkan konsistensi web ini. Font dan size tulisannya yang jelas dan mudah untuk dibaca main peranan penting dalam membantu interaksi pengguna dan sistem. Butang untuk ke paparan seterusnya jelas dan mudah untuk dicari.

#### 4.2.1 FRONTEND


Bahagian FrontEnd merupakan peranti atau program yang diakses secara langsung oleh pengguna dan membolehkan pengguna mengakses ke peranti dan program yang seterusnya. Sistem ini dibangunkan dengan menggunakan *Anaconda2/Python2.7* di sini disertakan beberapa langkah yang perlu dijalankan sebelum membina paparan antara muka web.

Pembangun perlu untuk memuat turun beberapa modul bagi memanggil fungsi dan kod algoritma bagi membangun sistem ini. Antara modul yang diperlukan pembangun ialah:

- a) Pip (Python Installer Package)
- b) Sublime
- c) SQLite
- d) Flask-PonyWhoosh

Bagi memastikan sistem dapat dibangunkan, sistem perlu berapa pada jalan (*path*) yang betul. Pembangun perlu menambah jalan (*path*) yang membolehkan sistem membaca *Python* dan *Anaconda*. Cara untuk menambah adalah dengan membuka pada bahagian panel kawalan (*control panel*). Seterusnya, pergi ke ruangan **Control Panel>System and Security>System**. Di sana terdapat butang **Advance System Setting>Enviroment Variables..>Path**. Pembangun perlu untuk menambah perkara dibawah bagi membenarkan sistem menjalankan *Anaconda2* dan *Python2.7*.

(C:\Users\user\Anaconda2;C:\Users\user\Anaconda2\Scripts;C:\Users\user\Anaconda2\Library\bin;C:\Program Files (x86)\Git\bin;C:\Program Files (x86)\Git\cmd)



Rajah 4.2 Panduan menukar dan menambah direktori pada jalan (*path*)


Setelah selesai, pembangun perlu meletakkan modul dan fail yang telah disediakan pada direktori yang pembangun inginkan dan memudahkan untuk dijalankan. Seterusnya

pembangun perlu membuka *Command Prompt* untuk memilih modul yang perlu dijalankan. Masukkan kod di bawah dengan direktori yang betul :

- cd C:\Users\user\Desktop\flask-ponywhoosh-master
- pip install -r requirements.txt
- python example.py runserver

Seterusnya, pembangun perlu menjalankan membuka *localhost* dan pautan *web sistem* ini. Buka *web browser* dan buka link <http://127.0.0.1:5000/>. Setelah link itu dibuka maka teraparlah paparan antara muka sistem ini berdasarkan pembangunan web.

Rajah 4.4 adalah paparan *Command prompt* setelah program selesai berjalan maka sistem boleh serta merta digunakan. Seterusnya pengguna boleh terus memasukkan kueri pada link itu dan menjalankan pencarian pantun mengikut kehendak pengguna.



```

C:\> Command Prompt - python example.py runserver
PONYWHOOSH_DEBUG: True
PONYWHOOSH_INDEXES_PATH : ponywhoosh_indexes
PONYWHOOSH_MIN_STRING_LEN : 1
PONYWHOOSH_TEMPLATE_PATH: C:\Users\user\Desktop\flask-ponywhoosh-master\flask_p
onywhoosh\templates
PONYWHOOSH_URL_ROUTE: /
PONYWHOOSH_WRITER_TIMEOUT: 3
* Debugger is active!
* Debugger pin code: 220-269-447
* Running on http://127.0.0.1:5000/ (Press CTRL+C to quit)
form:
{'add_wildcards': True,
 'except_field': None,
 'fields': None,
 'models': None,
 'query': None,
 'something': False,
 'submit': False}
127.0.0.1 - - [14/May/2018 06:53:02] "GET / HTTP/1.1" 200 -

```


RAJAH 4.3 paparan *Command prompt* setelah program selesai berjalan

Cara enjin gelintar ini berfungsi adalah bergantung sepenuhnya kepada kueri yang dimasukkan oleh pengguna. Untuk bahagian carian, pengguna hanya perlu memasukkan apa-apa jenis kueri termasuk karakter secara tunggal atau dalam satu perkataan lengkap. Sistem ini juga dapat menghasilkan output daripada kueri dalam bentuk ayat penuh. Kueri yang padan dan berkaitan dengan pantun akan mengeluarkan hasilnya (output) senarai 10 pantun yang berkaitan dengan kueri. Kueri yang dapat dikesan dan dapat dikenalpasti oleh sistem ini adalah kueri dalam bentuk karakter tunggal (nombor dan huruf selain simbol) kueri dalam



bentuk satu perkataan penuh dan kueri yang mempunyai dua atau lebih perkataan yang dimasukkan oleh pengguna. Sistem ini juga membaca kueri bagi setiap terpisahnya karakter atau perkataan yang dipisahkan dengan karakter jarak (*spacebar*).


#### A) Kueri dalam bentuk karakter tunggal.



RAJAH 4.4 Antara muka menunjukkan kueri satu karakter tunggal yang dimasukkan oleh pengguna

Pantun yang mempunyai karakter huruf 'a' yang paling banyak akan berada pada baris yang pertama mengikut turutan dan kedudukan (*ranking*) yang lebih sekaligus memberi hasil kepada kueri yang dimasukkan oleh pengguna. Menggunakan sistem ranking, pantun yang mempunyai karakter 'a' paling banyak keluar dalam ayat akan berada di ranking yang teratas, dan diikuti dengan pantun lain ke bawah berdasarkan kepada kekerapan (frequency) perkataan yang dimasukkan oleh pengguna (kueri) keluar dalam pantun. Sistem ini mencampurkan kesemua huruf 'a' yang wujud termasuk indeks yang berada di dalam nama pantun, nombor rangkap pantun, id jenis pantun, nama jenis pantun dan indeks tambahan. Karakter nombor juga boleh dicari oleh sistem kecuali karakter simbol.

## B) Kueri dalam bentuk karakter tunggal dua atau lebih.



RAJAH 4.5 Antara muka menunjukkan kueri satu karakter tunggal yang dimasukkan oleh pengguna

Sistem pencarian pantun ini ia dapat mencari berbilang karakter kueri yang pengguna masukkan sebagai kueri-kueri yang tunggal. Contoh yang diberikan ialah pencarian karakter berbilang iaitu 'a b'. Sistem ini mencari pantun yang berkaitan dengan mencari karakter yang padan dengan kueri 'a', 'b' dan 'a b'. Malah, cara pantun itu disusun dengan kedudukan (*ranking*) tidaklah diletakkan pantun yang mempunyai kedua-dua perkataan tersebut sebagai kueri yang tertinggi, tetapi pantun yang dikira kebarangkaliannya besar merupakan pantun yang padan dipilih. Perkara yang sama juga berlaku iaitu sistem ini mencampurkan kesemua perkataan 'a', 'b' dan 'a b' yang wujud termasuk indeks yang berada di dalam nama pantun, nombor rangkap pantun, id jenis pantun, nama jenis pantun dan indeks tambahan.

## C) Kueri dalam bentuk satu perkataan lengkap


The screenshot shows a web browser window with the URL '127.0.0.1:5000' and the page title 'Flask-Ponywhoosh'. The search bar contains the query 'baik'. Below the search bar, the word 'Pantun' is displayed. The search results are presented in a grid of four cards, each representing a different pantun entry. Each card includes a count of occurrences, a full text of the pantun, and various metadata fields such as 'no\_rangkap', 'jenis\_id', 'jenis\_name', and 'index'.

Count	Name	no_rangkap	jenis_id	jenis_name	index
72	Baik-baik mengail tenggiri, Takut terkena ikan parang, Baik-baik merendah diri, Jangan menjadi hamba orang	empat	4	4. Kepahlawanan	lemah lembut, budi pekerti, baik hati
13	Gerang perat pada sutera, Pandan sehelai di dalam jerami, Baik paras Inderaputera, Baik diambil akan suami	empat	1	1. Adat dan Resam Manusia	anak raja lelaki, anak lelaki
161	Tuan puteri duduk berteduh, Di pinggir kota naungan pupur, Lepas mencari bunga keladi, Suami isteri kalau bergaduh, Usah kita turut campur, Kita sendiri kedapatan budi	enam	8	8. Nasihat dan Pendidikan	
12	Baik-baik mengail tenggiri, Jangan kena jambatan tarangan, Baik-baik menghina diri, Jangan muka diapu arang	empat	1	1. Adat dan Resam Manusia	keji, tercela, tercemar, terkutuk, lata, buruk

RAJAH 4.6 Antara muka menunjukkan kueri satu perkataan yang dimasukkan oleh pengguna

Pantun yang mempunyai perkataan 'baik' yang paling banyak akan berada pada baris yang pertama mengikut turutan dan kedudukan (*ranking*) yang lebih sekaligus memberi hasil kepada kueri yang dimasukkan oleh pengguna. Menggunakan sistem ranking, pantun yang mempunyai perkataan 'baik' paling banyak keluar dalam ayat akan berada di ranking yang teratas, dan diikuti dengan pantun lain ke bawah berdasarkan kepada kekerapan (frequency) perkataan yang dimasukkan oleh pengguna (kueri) keluar dalam pantun. Sistem ini mencampurkan kesemua perkataan 'baik' yang wujud termasuk indeks yang berada di dalam nama pantun, nombor rangkap pantun, id jenis pantun, nama jenis pantun dan indeks tambahan.

## D) Kueri dalam bentuk dua perkataan atau lebih



RAJAH 4.7 Antara muka menunjukkan kueri dua atau lebih perkataan yang dimasukkan oleh pengguna

Sistem pencarian pantun ini ia dapat mencari berbilang perkataan kueri yang pengguna masukkan sebagai kueri-kueri yang tunggal. Contoh yang diberikan ialah pencarian perkataan berbilang iaitu 'berbuah lebat'. Sistem ini mencari pantun yang berkaitan dengan mencari perkataan yang padan dengan kueri 'berbuah', 'lebat' dan 'berbuah lebat'. Malah, cara pantun itu disusun dengan kedudukan (*ranking*) tidaklah diletakkan pantun yang mempunyai kedua-dua perkataan tersebut sebagai kueri yang tertinggi, tetapi pantun yang dikira kebarangkaliannya besar merupakan pantun yang padan dipilih. Maka kekurangan di sini ialah pantun yang terdapat kedua-dua perkataan yang kene dengan kehendak pengguna tidak dipilih. Perkara yang sama juga berlaku iaitu sistem ini mencampurkan kesemua perkataan 'berbuah', 'lebat' dan 'berbuah lebat' yang wujud termasuk indeks yang berada di dalam nama pantun, nombor rangkap pantun, id jenis pantun, nama jenis pantun dan indeks tambahan.

## 4.2.2 KOD GELINTARAN

Backend merupakan pemrosesan atau program bawahan secara tidak langsung yang diakses oleh pengguna. Bahagian ini melaksanakan fungsi khusus bagi pihak pemproses utama atau sistem perisian. Di sini tempat untuk membuat reka bentuk paparan web yang akan dipaparkan sebagai sistem kepada pengguna atau dipanggil *FrontEnd*.

```

1  {% extends "ponywhoosh/base.html" %}
2  {% import "bootstrap/wtf.html" as wtf %}
3  {% block styles %}
4  {{ super() }}
5  <style>
6  .container-search{
7      text-align: center;
8  }
9  h1{
10     font-size: 600%;
11     font-family: 'Bree Serif', serif;
12 }
13 .btn-avan{
14     width: 100px;
15     margin-left: 45%;
16 }
17
18 #buscador{
19     margin-left: 510px;
20 }
21 @media screen and (max-width: 768px) {
22     .title-search {
23         font-size: 500%;
24     }
25     .btn-avan {
26         margin-left: 30%;
27     }
28 }
29 </style>
30 {% endblock %}
31 {% block title %}Pencarian Pantun | flask-ponywhoosh{% endblock %}
32 {% block page_content %}
33 <link href="https://fonts.googleapis.com/css?family=Bree+Serif"
34     rel="stylesheet"
35     type="text/css">
36 <div class="page-header" style="margin-top: 70px">
37     <div class="container container-search">
38         <div class="row">
39             <div class="col-md-12 col-xs-12">
40                 <h1 class="title-search">
41                     Pantun <small><h4>Selamat datang ke sistem pencarian pantun</h4></small>
42                 </h1>
43             </div>
44         </div>
45     </div>
46 </div>
47 <div class="container">
48     <form method="POST" action={{action_url_form}} role="search" id="form-search">
49         {{ form.hidden_tag() }}
50     </form>
51     <div class="row">
52

```

RAJAH 4.8 Kod utama untuk pembangunan web.

Di sini juga terlibat juga proses penambahan indeks dan database senarai pantun beserta segala skema pantun yang diperlukan antaranya nama pantun, nombor jenis pantun, nama jenis pantun dan indeks. Pantun yang telah tersedia di dalam sistem ini adalah sejumlah 200 pantun yang mempunyai 10 jenis atau kategori.

```

88 if select(s for s in Pantun).count() > 8: return
89 d1 = Jenis(name="Adat dan Resam Manusia")
90 d2 = Jenis(name="Agama dan Kepercayaan")
91 d3 = Jenis(name="Kembara dan Perantauan")
92 d4 = Jenis(name="Kepahlawanan")
93 d5 = Jenis(name="Teku-teki")
94 d6 = Jenis(name="Percintaan")
95 d7 = Jenis(name="Budai")
96 d8 = Jenis(name="Nasihat dan Pendidikan")
97 d9 = Jenis(name="Peribahasa dan Perbilangn")
98 dx = Jenis(name="kias dan Ibarat")
99
100
101
102 # 1. Adat dan Resam Manusia
103 # dua
104 p101 = Pantun(
105     name="Taptibau puyuh padang, Hilang pisau berganti parang",
106     jenis_id=d1,
107     jenis_name="j1",
108     no_rangkap="dua",
109     indeks="badik, belati, belintan, cundrik, curik, kerambit, lawi ayam, nenraa, pisau calung, pisau cukur, pisau getah, pisau lipat, pisau makan, pisau ra"
110 )
111
112
113 p102 = Pantun(
114     name="Banyak udang banyak garam, Banyak orang banyak ragam",
115     jenis_id=d1,
116     jenis_name="j1",
117     no_rangkap="dua",
118     indeks="olah: tingkah, kerenah, perandai, gelagat, canda, fiil,"
119 )
120
121
122 p103 = Pantun(
123     name="Pagi petang siang malam, Hati terang senang faham",
124     jenis_id=d1,
125     jenis_name="j1",
126     no_rangkap="dua",
127     indeks="perasaan, jiwa, roh, emosi"
128 )
129
130 # empat
131 p104 = Pantun(
132     name="Langkah bulat batang meranti, Nke dalam air tampak bayangan, nBerkat daulat bersisi sakti, nKasalnya turun dari kayangan.",
133     jenis_id=d1,
134     jenis_name="j1",
135     no_rangkap="dua",
136     indeks="keramat, bertuah, mujarab, manjur, berkuasa, berpuaka, ampuh"
137 )
138
139
140
141
142
143
144
145
146
147
148
149
150
151
152
153
154
155
156
157
158
159
160
161
162
163
164
165
166
167
168
169
170
171
172
173
174
175
176
177
178
179
180
181
182
183
184
185
186
187
188
189
190
191
192
193
194
195
196
197
198
199
200
201
202
203
204
205
206
207
208
209
210
211
212
213
214
215
216
217
218
219
220
221
222
223
224
225
226
227
228
229
230
231
232
233
234
235
236
237
238
239
240
241
242
243
244
245
246
247
248
249
250
251
252
253
254
255
256
257
258
259
260
261
262
263
264
265
266
267
268
269
270
271
272
273
274
275
276
277
278
279
280
281
282
283
284
285
286
287
288
289
290
291
292
293
294
295
296
297
298
299
300
301
302
303
304
305
306
307
308
309
310
311
312
313
314
315
316
317
318
319
320
321
322
323
324
325
326
327
328
329
330
331
332
333
334
335
336
337
338
339
340
341
342
343
344
345
346
347
348
349
350
351
352
353
354
355
356
357
358
359
360
361
362
363
364
365
366
367
368
369
370
371
372
373
374
375
376
377
378
379
380
381
382
383
384
385
386
387
388
389
390
391
392
393
394
395
396
397
398
399
400
401
402
403
404
405
406
407
408
409
410
411
412
413
414
415
416
417
418
419
420
421
422
423
424
425
426
427
428
429
430
431
432
433
434
435
436
437
438
439
440
441
442
443
444
445
446
447
448
449
450
451
452
453
454
455
456
457
458
459
460
461
462
463
464
465
466
467
468
469
470
471
472
473
474
475
476
477
478
479
480
481
482
483
484
485
486
487
488
489
490
491
492
493
494
495
496
497
498
499
500
501
502
503
504
505
506
507
508
509
510
511
512
513
514
515
516
517
518
519
520
521
522
523
524
525
526
527
528
529
530
531
532
533
534
535
536
537
538
539
540
541
542
543
544
545
546
547
548
549
550
551
552
553
554
555
556
557
558
559
560
561
562
563
564
565
566
567
568
569
570
571
572
573
574
575
576
577
578
579
580
581
582
583
584
585
586
587
588
589
590
591
592
593
594
595
596
597
598
599
600
601
602
603
604
605
606
607
608
609
610
611
612
613
614
615
616
617
618
619
620
621
622
623
624
625
626
627
628
629
630
631
632
633
634
635
636
637
638
639
640
641
642
643
644
645
646
647
648
649
650
651
652
653
654
655
656
657
658
659
660
661
662
663
664
665
666
667
668
669
670
671
672
673
674
675
676
677
678
679
680
681
682
683
684
685
686
687
688
689
690
691
692
693
694
695
696
697
698
699
700
701
702
703
704
705
706
707
708
709
710
711
712
713
714
715
716
717
718
719
720
721
722
723
724
725
726
727
728
729
730
731
732
733
734
735
736
737
738
739
740
741
742
743
744
745
746
747
748
749
750
751
752
753
754
755
756
757
758
759
760
761
762
763
764
765
766
767
768
769
770
771
772
773
774
775
776
777
778
779
780
781
782
783
784
785
786
787
788
789
790
791
792
793
794
795
796
797
798
799
800
801
802
803
804
805
806
807
808
809
810
811
812
813
814
815
816
817
818
819
820
821
822
823
824
825
826
827
828
829
830
831
832
833
834
835
836
837
838
839
840
841
842
843
844
845
846
847
848
849
850
851
852
853
854
855
856
857
858
859
860
861
862
863
864
865
866
867
868
869
870
871
872
873
874
875
876
877
878
879
880
881
882
883
884
885
886
887
888
889
890
891
892
893
894
895
896
897
898
899
900
901
902
903
904
905
906
907
908
909
910
911
912
913
914
915
916
917
918
919
920
921
922
923
924
